

Keabsahan Kesultanan Johor Moden Sebagai Pelestari Perdu Legasi Kesultanan Melayu Melaka Menurut Jurisprudens Watan

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 245-261
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 25 July 2023
 Accepted: 25 August 2023
 Published: 30 September 2023

[The Legitimacy of The Modern Johor Sultanate as The Core Heir of The Malay Sultanate Legacy Viewed from Watanic Jurisprudence]

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain^{*1,2} Zulfadli Maarof³

- 1 International Islamic Thought and Civilization, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: wanfauzi@iium.edu.my
- 2 Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lbh Persiaran Tun Khalil Yaakob, Kampung Melayu Gambang, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia
E-mail: wanfauzi@umpsa.edu.my
- 3 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*Corresponding Author: wanfauzi@iium.edu.my

Abstrak

Pengasaran Kesultanan Johor Moden sering dikaitkan dengan pencaturan politik antara Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja dengan Tengku Ali, putera Sultan Husain Muhammad Shah. Tanpa mengambil kira pelantikan Sultan Husain Muhammad Shah oleh Inggeris sebagai Sultan Johor yang dipertikai oleh banyak pihak, legitimasi Johor moden sering dilihat dari rentetan peristiwa yang berlaku pasca Perjanjian bertarikh 10 Mac 1855. Artikel ini bertujuan untuk menyiasat keabsahan Kesultanan Johor Moden sebagai pelestari legasi Kesultanan Melayu Melaka. Kajian ini ialah kualitatif menggunakan metod jurisprudens watan yang turut mengaplikasikan tiga kerangka konsep, iaitu Indikator Pelestarian Kesultanan; Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar dan Pemakzulan Yang di-Pertuan Besar. Sumber histogram tempatan yang terdiri daripada pelbagai perjanjian, dokumen dan buku yang berwibawa dijadikan rujukan untuk menganalisis isu berbangkit. Dapatkan merumuskan Kesultanan Johor Moden memperolehi kedaulatan berkerajaan sendiri tanpa naungan Yang di-Pertuan Besar Johor-Pahang-Riau-Lingga melalui kuat kuasa Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830 maka sekaligus menjadi pelestari perdu legasi Kesultanan Melayu Melaka.

Kata kunci: Kesultanan Johor Moden, Kerangka Pelestarian Kesultanan, Kerangka Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar, Kerangka Pemakzulan Yang di-Pertuan Besar, Pewaris Perdu Kesultanan Melayu Melaka.

Abstract

The founding of the Modern Johor Sultanate is often associated with the political rift between Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja and Tengku Ali, the son of Sultan Husain Muhammad Shah. Regardless of the appointment of Sultan Husain Muhammad Shah by the British as the Sultan of Johor, which was disputed by many, the legitimacy of modern Johor is often seen from the string of events that took place after the Treaty dated 10 March 1855. This article investigates the legitimacy of the Modern Johor Sultanate as an heir to the legacy of the Malacca Malay Sultanate. This is a qualitative study using the method of watanic jurisprudence, which also applies three conceptual frameworks, the first of which is the Sultanate Preservation Indicator, the Enthronement of the Yang di-Pertuan

Besar, and the Dethronement of the Yang di-Pertuan Besar. Local historiography sources consisting of various agreements, documents, and authoritative books are used as a reference to analyse the issues that arise. The findings conclude that the Modern Johor Sultanate acquired self-government sovereignty without the protectorate of the Yang di-Pertuan Besar of the Johor-Pahang-Riau-Lingga through the coming into force of the Treaty dated 29 October 1830, thus becoming the core-heir of the legacy of the Malacca Malay Sultanate.

Keywords: Johor Modern Sultanate, Sultanate Preservation Framework, Yang di-Pertuan Besar Enthronement Framework, Yang di-Pertuan Besar Dethronement Framework, Core Heir to the Malacca Malay Sultanate.

Cite This Article:

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain & Zulfadli Maarof. (2023). Keabsahan Kesultanan Johor Modern Sebagai Pelestari Perdu Legasi Kesultanan Melayu Melaka Menurut Jurisprudens Watan [The Legitimacy of The Modern Johor Sultanate as The Core Heir of The Malay Sultanate Legacy Viewed from Watanic Jurisprudence]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 245-261.

Pengenalan

Pengasasan Kesultanan Johor Modern sering dikaitkan dengan pencaturan politik antara Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja (m.1862-1895) dengan Tengku Ali.¹ Tengku Ali ialah putera Sultan Husain Muhammad Shah. Sultan Husain Muhammad Shah dilantik sebagai Sultan Johor pada 6 Februari 1819² oleh Thomas Stamford Raffles tanpa mengikut adat istiadat Melayu.³ Gabenor Murchison menyifatkan Sultan Husain Muhammad Shah sebagai Sultan Johor yang tidak pernah diakui oleh Negeri Melayu yang lain malah tidak pernah menikmati apa-apa hasil di negeri Johor atau menjalankan kegiatan politik. Perisytiharan Sultan Husain Muhammad Shah sebagai Sultan Johor oleh Inggeris hanyalah kerana ada maksud tertentu dan tiada sebab untuk mengiktiraf Tengku Ali, putera baginda dengan gelaran sultan tanpa ada tugasannya.⁴

Kedudukan Sultan Husain Muhammad Shah sebagai Sultan Johor turut dipertikai oleh Gabenor Butterworth dalam laporannya kepada Kompeni Inggeris di Benggala. Beliau mengungkit bahawa Sultan Husain Muhammad Shah hanyalah tokoh patung yang diangkat oleh Raffles kerana untuk mendapatkan hak terhadap Singapura demi kepentingan Inggeris. Beliau sebaliknya menegaskan hanya Temenggong Ibrahim Seri Maharaja yang sempurna dilantik mengikut adat istiadat Melayu.⁵ Selepas hampir 20 tahun berusaha dengan pelbagai cara, akhirnya Tengku Ali dibenarkan untuk memakai gelaran Sultan Ali Iskandar pada 10 Mac 1855 dengan syarat baginda tidak boleh mencampuri hal ehwal negeri Johor dan wilayahnya hanyalah daerah Muar-Kersang.⁶

Artikel ini bertujuan untuk menyiasat keabsahan Kesultanan Johor Modern sebagai pelestari legasi Kesultanan Melayu Melaka. Kajian lepas misalnya Buyong Adil (2021) dan Ahmad Dahlan (2017) menunjukkan Kesultanan Johor moden mewarisi legasi Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga menerusi jalur Sultan Husain Muhammad Shah. Analisis dalam kajian ini penting kerana ia menunjukkan keabsahan pengangkatan Sultan Abu Bakar sebagai Yang di-Pertuan Besar bagi negeri Johor dan jajahan takluknya adalah kerana terbubarnya wilayah Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga, bukanlah rentetan peristiwa pasca Perjanjian

bertarikh 10 Mac 1855 di antara Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja dengan Tengku Ali. Dapatkan merumuskan Kesultanan Johor Moden memperolehi kedaulatan berkerajaan sendiri tanpa naungan Yang di-Pertuan Besar Johor-Pahang-Riau-Lingga melalui kuat kuasa Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830 maka sekaligus menjadi pelestari perdu legasi Kesultanan Melayu Melaka.

Metodologi

Kajian ini ialah kualitatif menggunakan metode jurisprudens watan yang turut mengaplikasikan tiga kerangka konsep untuk menjawab persoalan kajian, iaitu pertama; Indikator Pelestarian Kesultanan (Wan Ahmad Fauzi, 2018⁷, 2021⁸ & 2022⁹), kedua; Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar (Wan Ahmad Fauzi, 2023¹⁰), dan ketiga; Pemakzulan Yang di-Pertuan Besar (Wan Ahmad Fauzi, 2023¹¹).

Jurisprudens watan digunakan untuk mentafsirkan peruntukan undang-undang dan peristiwa yang berkaitan dengan lebih jelas kerana pendekatannya lebih bersifat tempatan. Ia menyiasat dan menganalisis isu undang-undang serta mentafsirkan peristiwa yang berlaku berdasarkan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatan dan adatnya. Dengan berbuat demikian, aspek kedaulatan, sejarah tempatan dan adat dianalisis untuk menentukan isu yang menjadi persoalan serta implikasinya. Adat itu merangkumi undang-undang, amalan, budaya, resam dan takrifan istilah yang mencerminkan kefahaman tempatan berhubung dengan falsafah, linguistik serta maksud suatu kejadian.

Tiga kerangka tersebut dibina melalui sumber berwibawa seperti *Hukum Kanun Melaka*, *Sejarah Melayu*, *Sulalat al-Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Kerajaan Johor-Riau*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Johor*, *Sejarah Kerajaan Lingga*, *Kerajaan Johor 1641-1728* dan bahan di Arkib Johor.

Terdapat empat aspek yang menunjukkan Indikator Pelestarian Kesultanan, iaitu:

1. Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah ialah ketua kerajaan berdaulat.
2. Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah menganut agama Islam.
3. Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah diangkat mengikut syura dan bai'ah, dan
4. Pemerintahan berlandaskan prinsip kedaulatan watannya.¹²

Kelestarian kesultanan tidak tersyarat jawatan Yang di-Pertuan Besar diwariskan kepada puteranya. Sebaliknya adat Melayu menetapkan kaedah tersendiri seperti yang dinyatakan. Misalnya, Bendahara boleh diangkat menggantikan Sultan jika sekiranya tiada waris ganti, bahkan pengangkatan Sultan diputuskan oleh *ahlul halli wal aqdi* iaitu pembesar kesultanan.

Kerangka Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar tersyarat seperti yang berikut:

1. Kewujudan kesultanan atau kerajaan berdaulat.
2. Kekosongan takhta.
3. Calon ialah waris ganti iaitu diwasiatkan oleh almarhum Sultan atau penama yang ditunjukkan oleh Bendahara atau Yam Tuan Muda atau pembesar yang berpengaruh.

4. Muafakat pembesar kesultanan (syura *ahlu halli wa aqdi*).
5. Aqad iaitu *ijab* dan *qabul* dengan calon terpilih.
6. Bai'ah oleh para pembesar, ulamak dan ketua masyarakat tempatan.

Keputusan tersebut kemudiannya dimasyhurkan dalam istiadat sebelum permakaman, dan diikuti dengan istiadat pertabalan.¹³ Walau bagaimanapun, pertabalan tidaklah menjadi syarat keabsahan pengangkatan seorang Sultan.

Kerangka Pemakzulan Yang di-Pertuan Besar menunjukkan tujuh keadaan yang mengabsahkan perlucutan, iaitu:

1. Penyerahan takhta kepada pihak lain melalui kaedah undang-undang.
2. Pelepasan sebahagian wilayah kerajaannya kerana kalah perang atau melalui kaedah undang-undang.
3. Hilang kerajaan akibat kalah perang.
4. Tiada dalam negeri lebih daripada tempoh yang dibenarkan.
5. Dilucutkan daripada takhta oleh *ahlu halli wa aqdi*.
6. Dibunuhan
7. Murtad.

Persoalan penting yang disiasat dalam kajian ini merangkumi perkara yang berikut:

1. Kelestarian legasi Kesultanan Melayu Melaka.¹⁴
2. Keabsahan pelantikan Sultan Husain Muhammad Shah.
3. Kedudukan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, dan
4. Implikasi Perjanjian Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah dengan Residen Belanda bertarikh 29 Oktober 1830.

Dalam kajian ini, elemen dalam setiap kerangka tersebut yang mana berkenaan dianalisis secara khusus melalui pemerhatian sumber rujukan dari sudut sejarah perundangan. Elemen berkenaan yang tidak dipatuhi turut dibahaskan untuk membuktikan kecacatan yang ada.

Latarbelakang Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga

Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga pada hakikatnya tidak bermula dari tahun 1528 apabila Seri Nara Diraja dan orang kaya-kaya pembesar Sultan Mahmud Melaka bermuafakat menerima penamaan Raja Ali sebagai ganti baginda sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor-Pahang-Riau-Lingga¹⁵. Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga adalah pewaris legasi Kesultanan Melayu Melaka kerana Sultan Mahmud I merupakan Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Melayu Melaka yang meneruskan kesultanan tersebut di luar Kota Melaka selepas kota pemerintahannya jatuh ke tangan Portugis.¹⁶ Meskipun demikian, sebahagian besar wilayah taklukan dan naungan masih bersetia dengan Sultan Mahmud I dan keturunan baginda yang berkota pemerintahan di Johor dan Riau-Lingga.

Raja Ali bertakhta dengan gelaran Sultan Ala'uddin Riayat Shah II (m.1528-1564) pada usia yang muda.¹⁷ Baginda mewarisi wilayah Kesultanan Melayu Melaka kecuali kota pemerintahan yang ditakluki oleh Portugis pada 15 Ogos 1511.¹⁸ Selain itu, Pahang berada di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (m.1519-1530) dan Perak merajakan Sultan Mudzaffar Shah (m.1528-1549), kanda Sultan Ala'uddin Riayat Shah II.¹⁹

Kedudukan Yang di-Pertuan Besar adalah lebih tinggi daripada pemerintah yang bergelar Sultan, Yam Tuan Muda, Yang di-Pertuan Muda, Raja dan pelbagai gelaran lain meskipun turut diberikan gelaran yang sama iaitu Sultan. Penstrukturran pangkat dan fungsi kuasa tradisional Melayu berlaku apabila Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (m. 1722-1760) diangkat sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga oleh raja Bugis bersaudara.²⁰ Kedudukan Bendahara dan kebanyakannya fungsi utamanya seperti pemutus calon Yang di-Pertuan Besar, pelaksana fungsi kuasa pemerintahan dan panglima besar perang diambil alih oleh Yam Tuan Muda berdasarkan *wa'adat* antara mereka.²¹

Namun begitu menurut Wan Ahmad Fauzi²² terdapat prerogatif mengikut adat Melayu yang hanya dimiliki oleh Sultan Yang di-Pertuan Besar seperti yang berikut:

1. Menjadi ketua pemerintah kesultanan dan agama Islam.
2. Mengabsahkan adat Melayu untuk menjadi undang-undang.
3. Menentukan hubungan diplomatik,
4. Mengisyiharkan perang dan kewilayahannya.
5. Memperkenankan hukuman bunuh.
6. Hak kesultanan seperti berbahasa istana tertentu.

Tidak dinafikan juga, prerogatif tersebut secara amalannya dilaksanakan setelah merundingi para pembesar baginda, malah selepas wujudnya jawatan Yam Tuan Muda, bermulalah sistem nasihat yang bergantung kepada pengaruh Yam Tuan Muda pada satu-satu masa dan ketika. Menurut Nik Mansor,²³ pengaruh raja Bugis bersaudara itu dibina daripada aktiviti seperti yang berikut:

1. Askar upahan bermula seawal tahun 1677.
2. Perkahwinan dengan puteri diRaja serta anak pembesar Melayu bertaraf Bendahara dan Temenggong.
3. Pajakan aset peperangan seperti sundang, senjata api, bedil Meriam, perahu perang dan baju besi.
4. Pinjaman wang kepada pemerintah.
5. Tajaan peperangan.
6. Perdagangan.
7. Pertaruhan.

Perlu dijelaskan di sini, pengaruh Yam Tuan Muda terlihat secara nyata di Riau-Lingga ketika menjadi kota pemerintahan dan kawasan tumpuannya seperti Selangor dan Linggi.²⁴ Selain itu, pengaruh raja Bugis dalam Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga agak terbatas.²⁵

Walau bagaimanapun kedudukan dan fungsi kuasa Yam Tuan Muda Bugis mengalami perubahan sehingga akhirnya terlucut daripada wilayah Johor dan Pahang apabila berlaku peristiwa yang berikut:

1. Yam Tuan Muda Raja Ali berserta orang Bugis lain lari meninggalkan Riau pada 30 Oktober 1784 akibat diserang oleh Belanda.²⁶
2. Perjanjian bertarikh 1 November 1784 yang ditandatangani oleh Raja Bendahara dan Raja Temenggong sebagai wakil Yang di-Pertuan Besar Sultan Mahmud III dengan Jacob Pieter van Braam, wakil Kerajaan Belanda, antaranya merakamkan persetujuan Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga membayar kos perang untuk mengeluarkan orang Bugis dari Riau.²⁷
3. Perjanjian bertarikh 10 November 1784 yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Besar Sultan Mahmud III bersaksikan Raja Bendahara dan Raja Temenggong Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga dengan Jacob Pieter van Braam, wakil Kerajaan Belanda, antaranya merakamkan status pemerintahan Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga bebas daripada pengaruh orang Bugis.²⁸
4. Pelantikan Tun Abdul Rahman oleh Yang di-Pertuan Besar Sultan Mahmud III sebagai Temenggong Seri Maharaja Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga memerintah tanah besar Johor, Singapura dan pulau di sekitarnya pada tahun 1806.²⁹
5. Pelantikan Wan Ali sebagai Bendahara Seri Wak Raja Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga menggantikan ayahandanya Almarhum Bendahara Tun Koris pada tahun 1806.³⁰
6. Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830 antara Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (m.1812-1832) dengan Residen Riau, wakil Kerajaan Belanda untuk menguatkuasakan wilayah pengaruh antara Belanda dengan Inggeris sekaligus memakzulkan kuasa baginda ke atas Johor dan Pahang.³¹

Lazimnya, Sultan Yang di-Pertuan Besar menguasai sendiri kota pemerintahan dengan bantuan para pembesar baginda. Pemerintah dalam wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka seperti Sultan Kedah mempunyai autonomi tersendiri meskipun bertuankan Melaka.³²

Pemerhatian terhadap historiografi tempatan menunjukkan terdapat para pembesar bertaraf pemerintah yang turut diberikan gelaran raja bagi wilayah tertentu. Boleh dikatakan juga Bendahara, Temenggong, Laksamana termasuklah Penghulu Bendahari dan Shahbandar merupakan ketua jabatan pentadbiran masing-masing.

Dalam pada itu gelaran Seri Wak Raja, Seri Maharaja, Paduka Raja dan Paduka Tuan yang dihubungkan dengan pangkat pembesar seperti Bendahara, Temenggong dan Laksamana menunjukkan kedudukan keutamaan serta tauliah kekuasaan yang diberikan kepada mereka mengikut titah Yang di-Pertuan Besar sebelum wujudnya Yam Tuan Muda lagi.

Afiliasi Seri Wak Raja dan Seri Maharaja meletakkan kuasa budi bicara yang boleh dilaksanakan oleh seorang pembesar lebih luas daripada Paduka Raja manakala Paduka Tuan secara amalannya tidak boleh membuat keputusan sendiri. Pembesar utama seperti Bendahara, Temenggong dan Laksamana diperhatikan dalam dokumen sejarah pernah dikurniakan afiliasi Seri Wak Raja, Seri Maharaja dan Paduka Raja.³³

Sejarah Kesultanan Melayu Melaka dan selepasnya menunjukkan Bendahara, Temenggong, Laksamana dan ada lain-lain pembesar Melaka mempunyai wilayah pegangan masing-masing. Di wilayah jajahan dan lindungan terdapat juga pembesar bergelar Bendahara, Temenggong dan Laksamana yang tidak berstatus sebagai Seri Wak Raja, Seri Maharaja dan Paduka Raja.³⁴ Mereka memegang wilayah tertentu dengan hak memungut cukai bagi pihak diri dan pemerintahannya.³⁵ Kawasan geo-politik tersebut juga dikenali sebagai kawasan pemakanan bagi punca hasil pendapatan.³⁶ Misalnya, Bendahara Seri Wak Raja Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga memiliki wilayah pegangan di Pelabuhan Pekan, Kuala Lipis dan Rompin. Temenggong Seri Maharaja Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga pula di Muar, Batu Pahat dan Sungai Johor (Muhammad, 2015:408; Nik Mansor, 2023).

Kedudukan tersebut ada yang diwarisi oleh pemerintah tersebut dan ada hak sedemikian dikurniakan oleh Sultan Yang di-Pertuan Besar kepada wakil baginda. Pemerintah yang dirujuk sebagai raja dan bergelaran bagi wilayah masing-masing menumpahkan kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Besar. Mereka menghadap apabila dititahkan dan juga membuat persembahan kepada baginda.

Salsilah Kesultanan Johor Modern

Sarjana tempatan merumuskan bahawa Bendahara Seri Wak Raja I Tun Perpatih Permuka Berjajar mempunyai pertalian darah dengan Raja Melaka.³⁷ Bendahara Melaka selepasnya turut mempunyai pertalian sehinggalah Bendahara Tun Habib Abdul Majid, iaitu Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga.³⁸ Pertalian Bendahara Tun Habib Abdul Majid dengan dinasti Bendahara Melaka dititiskan melalui puteri Datuk Sekudai Tun Jenal yang bernikah dengan Syed Zainal Abidin yang melahirkan Tun Dagang, ayahanda Bendahara Tun Habib Abdul Majid.

Apabila Sultan Mahmud II (m.1685-1699) mangkat, para pembesar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga mengangkat Bendahara Tun Abdul Jalil, putera Bendahara Tun Habib Abdul Majid sebagai ganti baginda bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (m.1699-1718).³⁹ Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV merupakan Sultan berdaulat yang beragama Islam, diangkat melalui syura dan *bai'ah* dan mengekalkan prinsip kedaulatan watannya. Hukum Kanun Johor yang berkembang daripada Hukum Kanun Melaka ⁴⁰terus diamalkan serta menjadi undang-undang perlembagaan kesultanan. Baginda dan kesultannya memenuhi syarat pelestarian kesultanan terdahulu meskipun bukan waris ganti.

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV melantik puteranya Tun Abas sebagai Bendahara Seri Maharaja, manakala dengan perkenan baginda, Tun Abdul Jamal, putera Bendahara Seri Maharaja Tun Abas dilantik pula sebagai Temenggong Seri Maharaja. Temenggong Abdul Jamal menikahi Raja Maimunah, puteri Opu Daeng Parani melalui pernikahannya dengan Tengku Tengah, puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.

Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah

Tuhfat al-Nafis meriwayatkan bahawa Yang di-Pertuan Besar Sultan Mahmud mewasiatkan kepada Yam Tuan Muda Raja Ja'afar untuk melantik puteranya Tengku Abdul Rahman sebagai

ganti baginda. Baginda mangkat pada 12 Zulhijah 1226, malam selasa waktu subuh di Lingga. Pemasyhuran Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (m. 1812-1832) dibuat oleh Yam Tuan Muda dalam istiadat sebelum permakaman Almarhum Sultan Mahmud. Urusan pemerintahan dilaksanakan oleh Yam Tuan Muda kerana Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah walaupun menjawat Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga lebih banyak menghabiskan masa untuk beribadat (Raja Ali, 1998: 301-305).

Berbeza dengan hasil kajian Buyong Adi yang menyatakan Yam Tuan Muda mengetepikan protes dua orang pembesar yang berpihak kepada Tengku Husain.⁴¹ Walau bagaimanapun, istiadat permakaman dimulakan selepas Tengku Abdul Rahman bersetuju untuk diangkat sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga bergelar Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah. Dinyatakan juga bahawa tuntutan Tengku Husain sebagai Sultan apabila beliau tiba di Lingga tidak mendapat sokongan kerana para pembesar telah menyebelahi Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah.

Inggeris sendiri telah mengakui kedudukan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Ini dibuktikan pada 19 Ogos 1818, apabila William Farquhar membuat perjanjian dengan Yam Tuan Muda Raja Ja'afar dimaktubkan “Dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seri Sultan Abdul Rahman Shah, Yang di-Pertuan Kerajaan Johor- Pahang dan daerah-daerah takluknya”.⁴²

Kedudukan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga turut diiktiraf oleh sebuah lagi kuasa asing apabila Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, Yam Tuan Muda dan orang besar baginda dengan Admiral Wolterbeek bagi pihak Kerajaan Belanda menandatangani perjanjian bertarikh 26 November 1818 (Samad, 1985: 135-143; Raja Ali, 1998: 313-314; Buyong, 2021: 200).

Perjanjian Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah dengan Kerajaan Belanda bertarikh 26 November 1818 dan kegagalan memujuk Yam Tuan Muda Raja Ja'afar mengundang kemarahan Stamford Raffles yang merupakan Leftenan-Gabenor Kompeni Inggeris di Bangkahulu sehingga beliau merencanakan muslihat untuk mendapatkan Singapura.⁴³ Singapura didapati oleh Inggeris lebih strategik sebagai pelabuhan baharu menggantikan Melaka yang telah diserahkan kembali kepada Belanda pada 21 September 1818.⁴⁴

Temenggong Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga pada ketika itu ialah Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja. Singapura berada di bawah pegangan dan Kawasan pungutan cukai beliau. Setelah berjaya memberi tekanan kepada Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja untuk memasuki perjanjian sementara pada 30 Januari 1819, Stamford Raffles menyusun perjanjian kedua pada hari yang sama Tengku Husain yang dilantik sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Husain Muhammad Shah pada 6 Februari 1819. Perjanjian tersebut ditandatangani dengan Sultan Husain Muhammad Shah dan Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja untuk membolehkan Inggeris menguasai penempatan dan membina loji di Singapura mengikut balasan yang dinyatakan.⁴⁵ *Tuhfat al-Nafis* menceritakan bagaimana Stamford Raffles mengaturkan majlis pemasyhuran Tengku Long Husain sebagai Sultan Johor dalam khemah di tengah padang Singapura. Pemasyhuran itu dibacakan oleh Encik Yahya, jurutulis William Ferquhar yang berbunyi, “Bahawa sesungguhnya hendaklah diketahui oleh segala orang yang tua-tua yang tuan gabernur jeneral Benggala mengangkatkan Tengku Long bergelar Sultan Husain Syah ibn al-Marhum Sultan Mahmud Syah di dalam negeri Singapura serta teluk Rantau jajahan negeri yang tersebut itu.”

Selepas berjaya meletakkan pengaruh di Singapura, Inggeris meneruskan muslihat sehingga Sultan Husain Muhammad Shah dan Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja kerana masalah kewangan terdesak untuk memasuki perjanjian bertarikh 2 Ogos 1824 bagi maksud penyerahan Singapura kepada Kerajaan Inggeris.⁴⁶ Keabsahan perjanjian itu boleh dipertikai kerana Sultan Husain Muhammad Shah dilantik sebagai Sultan Johor oleh Inggeris sedangkan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah yang sah diangkat mengikut adat Melayu masih bertakhta.

Keterangan yang menunjukkan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah masih bertakhta sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga sehingga 29 Oktober 1830 ialah seperti yang berikut:

1. Dalam tahun 1819, Bendahara Tun Ali menjawab surat Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja tentang pemakluman pelantikan Sultan Husain Muhammad Shah dengan penegasan “taat setia Bendahara Tun Ali tetap ke Daik (Lingga); apa-apa hal yang bersangkutan dengan Pahang tiada akan diberi tahuannya ke Singapura melainkan ke Daik juga.”⁴⁷
2. Pada akhir 1821, Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah berangkat dalam rombongan diRaja melawat Pahang diiringi Yam Tuan Muda Raja Ja’afar. Kemudiannya baginda diiringi oleh Bendahara Tun Ali berangkat pula ke Terengganu. Baginda disambut oleh Sultan Ahmad Shah, Sultan Terengganu ke-4, hanya pulang ke Lingga pada awal November 1822.⁴⁸
3. Setelah Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah berangkat pulang dari Pahang dan Terengganu, Laksamana Laut Belanda mengembalikan alat kebesaran Kerajaan Johor yang disimpan oleh Raja Hamidah kepada baginda dalam istiadat pertabalan.⁴⁹
4. Baginda hanya dimakzulkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor-Pahang dengan kuat kuasa Perjanjian dengan Residen Riau, wakil Kerajaan Belanda bertarikh 29 Oktober 1830 untuk menguatkuasakan wilayah pengaruh antara Belanda dengan Inggeris.

Meskipun Singapura pada ketika itu sepanjang tempoh 1819 hingga 1830 berada dalam wilayah pemerintahan dan pungutan cukai Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja, namun penyerahan wilayah tidak boleh dilakukan tanpa perkenaan Yang di-Pertuan Besar Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah.

Implikasi Perjanjian Bertarikh 29 Oktober 1830

Perjanjian Inggeris-Belanda bertarikh pada 17 Mac 1824 bertujuan untuk membahagikan wilayah pengaruh politik antara Inggeris dengan Belanda.⁵⁰ Perjanjian tersebut tidaklah secara automatik mempunyai kesan perundungan terhadap pihak yang tidak terlibat menandatanganinya. Perlumbaan pegawai Inggeris dan Belanda untuk mengukuhkan pengaruh dalam wilayah Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga mendedahkan Inggeris dan Belanda kepada konflik yang pastinya merugikan kepentingan masing-masing. Itu juga salah satu sebab Perjanjian Inggeris-Belanda bertarikh pada 17 Mac 1824 ditandatangani.

Antara peruntukan penting dalam Perjanjian tersebut yang menjadi subjek perbahasan di sini ialah seperti yang berikut:

Fasal 10

Adalah negeri dan Kota Melaka itu dan takluknya itu, terserahlah kepada Yang Maha Mulia Raja Inggeris; dan adalah Yang Maha Mulia Raja Holanda itu mengaku bagi ia sendiri dan rakyat-rakyatnya, yang tiada kelak ia itu membuka sesuatu negeri di dalam sebarang tempat di dalam seluruh tanah Melaka itu, atau pun membuat apa-apa *treaty* dengan sebarang anak-anak raja negeri, penghulu atau anak-anak negeri.

Fasal 12

Yang Maha Mulia Raja Holanda itu, mengambil balik apa-apa juangkatan yang telah diadakan, di atas rakyat Inggeris menduduki Pulau Singapura itu.

Yang Maha Mulia Raja Inggeris mengaku, tiadalah kelak diperbuat tempat bagi bangsa dia itu di Pulau-pulau Karimun, Pulau Batam, Bintang, Lingkin atau pulau-pulau lain-lain di sebelah selat Singapura; dan tiadalah kelak diperbuat apa-apa *treaty* dengan penghulu-penghulu di pulau itu oleh orang-orang Inggeris yang beroleh kuatkuasa.

Oleh kerana Perjanjian tersebut ditandatangani antara Inggeris dan Belanda, ia tidak mengikat Bendahara Seri Wak Raja dan Temenggong Seri Maharaja malah mereka masih bertuankan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah yang bersemayam di Lingga. Hanya pada 29 Oktober 1830 Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga terbubar implikasi perjanjian antara antara Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (m.1812-1832) dengan Residen Riau, wakil Kerajaan Belanda. Petikan penting Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830 adalah seperti yang berikut:

Perjanjian 17 Mac, 1824 ini di London, antara Yang di-Pertuan Besar atas Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar atas Great Britain dan Ireland, kerana sebab Perjanjian itu, jadi Johor dan Pahang, tiada lagi di bawah Yang di-Pertuan Besar Lingga.

Maka pada sekarang ini perjanjian yang lama, yang dibuat oleh Govermen Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar Johor dan Pahang dan Riau dan Lingga dan segala takluknya itu, tiadalah boleh dipakai begitu.

Dengan berkuat kuasanya Perjanjian 1830, mengikut undang-undang antarabangsa dan adat Melayu maka Johor dan Pahang terpisahlah daripada Riau-Lingga. Johor dan Pahang yang sememangnya mempunyai raja pemerintah sendiri yang masing-masing berstatus sebagai Seri Maharaja dan Seri Wak Raja memperolehi kedaulatan untuk berkerajaan sendiri tanpa naungan Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga lagi. Ini kerana Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga telah melalui Perjanjian 1830 melepaskan hak kesultannya dalam wilayah Johor dan Pahang.

Pada hakikatnya, Perjanjian 1830 bertujuan untuk melaksanakan polisi yang terkandung dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 terhadap wilayah Johor-Pahang-Riau-Lingga. Justeru, menjadi sah kepada pembesar tempatan di Johor dan Pahang untuk mengangkat raja pemerintah masing-masing sebagai Yang di-Pertuan Besar mengikut adat Melayu.

Raja pemerintah Johor selepas Perjanjian 1830 sehingga 12 Februari 1886 masih bergelar Raja Temenggong walau bagaimanapun gelaran tersebut tidak mencatatkan kedudukan baginda sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor.

Pelestari Perdu Legasi Kesultanan Melayu Melaka

Raja Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja diangkat oleh Bendahara Tun Ali Seri Wak Raja. Meskipun tidak menggunakan gelaran Sultan semasa hayat, mengikut undang-undang antarabangsa dan adat Melayu baginda memiliki kedaulatan sendiri untuk memerintah tanpa Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga dengan berkuat kuasanya Perjanjian 1830. Peristiwa yang dicoretkan dalam Sejarah Johor oleh Buyong Adil menunjukkan baginda tidak pernah mengiktiraf Tengku Ali sebagai Sultan dan pemerintah Johor. Menurut Nik Mansor (2023), dari sudut adat Melayu sekalipun, Sultan Husain Muhammad Shah bukanlah raja pemerintah Johor yang diangkat secara sah.⁵¹

Atas muafakat para kerabat dan pembesar, ganti baginda iaitu Raja Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja (m.1862-1895) dimasyurkan sebagai Sultan Johor dengan memakai gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Abu Bakar ibni Almarhum Al-Khalil Ibrahim Shah pada 13 Februari 1886 seperti diperihalkan dalam Hikayat Johor.⁵²

Raja Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja bukan sahaja terlebih dahulu memaklumkan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Rahman (m.1857-1883) di Riau-Lingga bahkan negara luar iaitu Kerajaan British turut mengiktiraf kedaulatan baginda. Sultan Abu Bakar memenuhi indikator yang menunjukkan pewarisan legasi Kesultanan Melayu Melaka seperti yang berikut:

Yang Di-Pertuan Besar atau Pemerintah ialah Ketua Kerajaan Berdaulat

Raja Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja mewarisi Kesultanan Johor yang berdaulat termasuklah Singapura⁵³ bersusurgalurkan Kesultanan Melayu Melaka seperti rajah yang dilampirkan. Meskipun kewilayahannya tidak termasuk Riau-Lingga dan Pahang yang turut berkerajaan sendiri, kedaulatan baginda diperolehi daripada pemerintahan Raja Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja. Apabila Sultan Abu Bakar diangkat sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan negeri Johor serta jajahan takluknya, Kesultanan Johor moden sebagai kerajaan yang berdaulat semakin terserlah.

Gelaran Seri Maharaja yang dikurniakan sejak Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV menunjukkan kuasa pemerintahan yang sudah diberikan kepada Temenggong Seri Maharaja, pengusaha tanah pegangan Johor dan Singapura.

Yang Di-Pertuan Besar atau Pemerintah Menganut Agama Islam

Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga menganut agama Islam dan agama itu terus dianuti oleh Sultan Abu Bakar serta semua waris ganti baginda sehingga hari ini.

Yang Di-Pertuan Besar atau Pemerintah Diangkat Mengikut Syura dan *Bai'ah*

Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga diteruskan dalam syarat Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 mengekalkan adat Melayu yang sama berlandaskan syura dan bai'ah.

Pemerintahan Berlandaskan Prinsip Kedaulatan Watannya

Hukum Kanun Melaka diwarisi oleh Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga yang dikenali Hukum Kanun Johor, seterusnya penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 yang melestarikan kedudukan Sultan dan Yang di-Pertuan sebagai pemegang Amanah kedaulatan milik Allah SWT terpancar dalam sumpah raja pemerintah. Islam terus didaulatkan sebagai agama Negeri. Sumpah raja pemerintah, kedudukan agama Islam dan prinsip syura terkandung dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.⁵⁴

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 yang merupakan perlembagaan bertulis dalam bentuk moden sesungguhnya atestasi terhadap legasi Kesultanan Melayu Melaka yang mengekalkan prinsip kedaulatan watan.⁵⁵ Legasi Kesultanan Melayu Melaka yang turun sehingga Kesultanan Johor moden diilustrasikan di sini dalam rajah yang sama.

Rumusan dan Kesimpulan

Kesultanan Johor moden mempunyai pertalian yang cukup akrab dengan Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga seperti yang dibahaskan dalam artikel ini. Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja, raja pemerintah Johor memperolehi kedaulatan berkerajaan sendiri ke atas negeri Johor daripada Yang di-Pertuan Besar Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah apabila baginda melepaskan wilayah Johor dan Pahang pada 29 Oktober 1830.

Dapatan tersebut dapat manafikan sebarang dakwaan yang menghubungkaitkan keabsahan pengangkatan Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan negeri Johor dengan Perjanjian 1855 antara almarhum Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja dengan Tengku Ali.

Pemakaian gelaran Sultan dan Yang di-Pertuan negeri Johor menyerlahkan lagi kedudukan Sultan Abu Bakar dan waris ganti baginda sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor moden yang berdaulat.

Kesultanan Johor moden memiliki keistimewaan sebagai pewaris perdu Kesultanan Melayu Melaka kerana di situlah ia bertapak selepas Kota Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 dan bermula dari 29 Oktober 1830 pula memiliki kedaulatan penuh. Kenyataan

tersebut tidak bertujuan untuk memprejudiskan kedudukan kesultanan Melayu lain di Tanah Melayu yang turut mewarisi dan lestarikan legasi Kesultanan Melayu Melaka.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC) (nombor geran: RIGS15-059-0059). Terima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penyelidik utama ialah Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Hashim @ Wan Husain. Penyelidik kedua ialah Penolong Profesor Dr. Wan Rohaida bin Wan Husain.

Rujukan

- A. Samad Ahmad (pngr.). 1985. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 2021. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw, Yock Fang (pngr.). 2003. *Undang-Undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Ed. Coffee Table. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Muhammad Yusoff Hashim. 2015. *Kesultanan Melayu Melaka* (ed. Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mansor Nik Mustapha. 2023. *Persoalan dalam Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga*. Temubual pada 2 November.
- Salsilah Faqih Ali. Rekod peribadi Dato' Sangsura Pahlawan Dato' Haji Wan Long Muhammad Soleh bin Wan Ahmad.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2018. Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. 22 JUUM: 61-73.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Kedaulatan watan teras jati diri bangsa dari perspektif Perlembagaan Terengganu [Indigenous sovereignty as the national core-identity from the Terengganu Constitution perspective]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 1-18.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Johor Moden sambung legasi Kesultanan Melayu Melaka. Rencana. Berita Harian, 7 November.
- Wan Husain W.A.F., ‘Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi’ (2017) 29(2) KANUN 41-73.
- Wan Husain W.A.F., ‘Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution’ (2021) 29(1) IIUM Law Journal 1-2.
- Wan Husain, W. A. F. H. (2021). Article 153 Of the Federal Constitution: Governing Principle for Affirmative Policy Against Social Injustice. *Journal of Governance and Integrity*, 5(1), 135–140. <https://doi.org/10.15282/jgi.5.1.2021.7130>

LAMPIRAN

PEWARIS PERDU LEGASI KESULTANAN MELAYU MELAKA (YANG DI-PERTUAN BESAR)

Parameswara (1400-1414)
/

Megat Iskandar Shah (1414-1424)
/

Sultan Muhammad Shah (1424-1444)
/

Sultan Abu Syahid Shah (1444-1445)
/

Sultan Muzaffar Shah (1445-1456)
/

Sultan Mansor Shah (1456-1477)
/

Sultan Ala'uddin Shah (1477-1488)
/

Sultan Mahmud Shah (1488-1510)
/

Sultan Ahmad Shah (1510-1513)
/

Sultan Mahmud Shah (1513-1528)
/

Sultan Ala'uddin Riayat Shah I (1528-1564)
/

Sultan Muzaffar Shah II (1564-1570)
/

Sultan Abdul Jalil I (1570-1571)
/

Sultan Abdul Jalil Shah II (1571-1597)
/

Sultan Ala'uddin Riayat Shah III (1597-1615)
/

Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (1615-1623)
/

Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677)
/

Sultan Ibrahim Shah (1677-1685)
/

Sultan Mahmud Shah II (1685-1699)
/

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718)
/

Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722)
/

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760)
/

Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah V (1760-1761)

/

Sultan Ahmad Riayat Shah (1761-1761)

/

Sultan Mahmud Shah III (1761-1812)

/

Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (1812-1832)*

/

Raja Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja (1830-1862)

/

Raja Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja
(1862-1886)

Sultan Abu Bakar (1886-1895)**

/

Sultan Ibrahim (1895-1959)

/

Sultan Ismail (1959-1981)

/

Sultan Iskandar (1981-2010)

/

Sultan Ibrahim (2010- kini)

*Dimakzulkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor dan Pahang dengan kuatkuasanya Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830.

**Mula menggunakan gelaran Sultan dan Yang di-Pertuan seperti termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 seperti yang berikut:

Al-Wathiq bi Allah Abu Bakar bagi Kerajaan dan Jajahan Johor dan segala daerah takluknya Sultan Yang di-Pertuan Raja dan kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

(c) Susunan semula oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2023

Nota Hujung

- 1 ANMJ, SP. 7/77, Kapten Haji Muhamad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al Marhum Sultan Abu Bakar Johor*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, 1950, muka surat. 5
- 2 ANMJ SP.7/26 Peridar Angka 25, Mejar Dato Haji Muhamad Said, Buku Teriti Johor dengan pertambahannya 1941, Lembaga Melaya Press, Johor Bahru, 1941, muka surat. 3
- 3 ANMJ, SP. 7/77, Kapten Haji Muhamad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al Marhum Sultan Abu Bakar Johor*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, 1950, muka surat. 3
- 4 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat.230
- 5 Ahmad Dahlal, *Sejarah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2017, muka surat. 452
- 6 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 237
- 7 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan*, Abad Sinergi Sdn. Bhd., Selangor, 2018.
- 8 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif & Amalan, Abad Sinergi Sdn. Bhd.*, Selangor, 2021.
- 9 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, *Kedaulatan Malaysia Governan Utama Negara, Abad Sinergi Sdn. Bhd.-Penerbit Universiti Malaysia Pahang*, Selangor, 2022.
- 10 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2023. Johor Moden sambung legasi Kesultanan Melayu Melaka. Rencana. Berita Harian, 7 November.
- 11 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2023. Johor Moden sambung legasi Kesultanan Melayu Melaka. Rencana. Berita Harian, 7 November.
- 12 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2018. Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. 22 JUUM: 61-73; Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Kedaulatan watan teras jati diri bangsa dari perspektif Perlembagaan Terengganu [Indigenous sovereignty as the national core-identity from the Terengganu Constitution perspective]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 1-18.
- 13 Raja Ali Haji, diperkenalkan Virginia Matheson Hooker, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, muka surat. 328
- 14 Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka* (ed. Kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2015.
- 15 Tun Seri Lanang, *Sulalat al-Sulatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,1997, muka surat. 247.
- 16 Leonard Y Andaya, *Terjemahan Shamsudin Jaafar, Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, muka surat 28
- 17 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 8
- 18 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 24
- 19 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 19
- 20 ANMJ. SP. 7/82, Raja Ali Haji bin Ungku Ahmad, *Kitab Salasilah Melayu Dan Bugis Dan Sekelian Raja-Rajanya*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, 1956, muka surat. 14
- 21 Lihat Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998; A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
- 22 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2023, Johor Moden sambung legasi Kesultanan Melayu Melaka. Rencana. Berita Harian, 7 November.
- 23 Nik Mansor Nik Mustapha. 2023. *Persoalan dalam Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga*. Temubual pada 2 November. Tokoh sejarah tempatan yang menetap di Mersing, Johor.
- 24 ANMJ. SP. 7/82, Raja Ali Haji bin Ungku Ahmad, *Kitab Salasilah Melayu Dan Bugis Dan Sekelian Raja-Rajanya*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, 1956, muka surat. 31
- 25 ANMJ.SP.7/90, *Hikayat Johor Serta Pahang*, muka surat.5; Nik Mansor, 2023, temubual 2 November.
- 26 Ahmad Dahlal, *Sejarah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2017, muka surat. 254.
- 27 Ahmad Dahlal, muka surat. 255-256.
- 28 Ahmad Dahlal, muka surat. 255-256.
- 29 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 186.
- 30 Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, muka surat. 97
- 31 A. Samad Ahmad ((pngr.), *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, muka surat. 150-159.
- 32 Tun Seri Lanang, diperkenalkan oleh Muhamad Haji Salleh, *Sulalat al Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, muka surat. 172

- 33 Lihat Buyong Adil, Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980; Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998; A. Samad Ahmad, Kerajaan Johor-Riau, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
- 34 Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008. Ed. Coffee Table, Yayasan Diraja Sultan Mizan, Kuala Terengganu, 2009.
- 35 Wan Husain, W. A. F. H. (2021). Article 153 Of the Federal Constitution: Governing Principle for Affirmative Policy Against Social Injustice. *Journal of Governance and Integrity*, 5(1), 135–140.
- 36 Leonard Y Andaya, Terjemahan Shamsudin Jaafar, Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, muka surat. 230
- 37 Tun Seri Lanang, diperkenalkan oleh Muhamad Haji Salleh, Sulalat al Salatin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, muka surat. 154
- 38 Leonard Y Andaya, Terjemahan Shamsudin Jaafar, Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, muka surat. 180
- 39 ANMJ.SP.7/90, Hikayat Johor Serta Pahang, muka surat. 2
- 40 Liaw, Yock Fang (pngr.), Undang-Undang Melaka, Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur, 2003.
- 41 Buyong Adil, Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 189
- 42 Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, diperkenalkan Virginia Matheson Hooker, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, muka surat. 328
- 43 Ahmad Dahlan, Sejarah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2017, muka surat. 293
- 44 Buyong Adil, Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 199
- 45 ANMJ SP.7/26 Peridar Angka 25, Mejar Dato Haji Muhamad Said, Buku Teriti Johor dengan pertambahannya 1941, Lembaga Melaya Press, Johor Bahru, 1941, muka surat. 3
- 46 Buyong Adil, Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, muka surat. 218-220.
- 47 Buyong Adil, Sejarah Pahang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, muka surat. 101.
- 48 Buyong Adil, muka surat. 101-102.
- 49 Buyong Adil, muka surat. 102.
- 50 ANMJ SP.7/26 Peridar Angka 25, Mejar Dato Haji Muhamad Said, Buku Teriti Johor dengan pertambahannya 1941, Lembaga Melaya Press, Johor Bahru, 1941, muka surat.14
- 51 Nik Mansor, 2023, *Persoalan dalam Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga*. Temubual pada 2 November. Tokoh sejarah tempatan yang menetap di Mersing, Johor.
- 52 ANMJ, SP. 7/77, Kapten Haji Muhamad Said bin Haji Sulaiman, Hikayat Johor dan Tawarikh Al Marhum Sultan Abu Bakar Johor, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor Bahru, 1950, muka surat. 27
- 53 Ini kerana penyerahan Singapura dalam tahun 1824 kepada Kerajaan Inggeris adalah tidak sah.
- 54 Wan Husain W.A.F., ‘Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution’ (2021) 29(1) IIUM Law Journal 1-2.
- 55 Wan Husain W.A.F., ‘Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi’ (2017) 29(2) KANUN 41-73.